

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	16 February 2016

Dr. Mahathir bertindak tidak wajar

Urn-16/2/2016

KUALA LUMPUR 15 Feb. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad disifatkan bertindak tidak wajar apabila melakukan serangan peribadi dan kritikan terbuka terhadap Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali.

Pengerusi Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem), Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik berkata, sebagai seorang yang berpengalaman, Dr. Mahathir sepatutnya lebih berfikir terbuka dan tidak membuat tohmahan terhadap mana-mana penjawat awam termasuk Peguam Negara.

Katanya, tugas dan tanggungjawab Peguam Negara cukup besar kerana berperanan sebagai penasihat undang-undang kepada



ABDUL RAHIM

Yang di-Pertuan Agong dan Kerajaan Persekutuan.

"Selain itu, Peguam Negara juga bertindak sebagai Ketua Pendakwa Raya, sama ada dalam kes yang melibatkan kerajaan atau tidak.

"Malah, Mohamed Apandi pernah menjadi peguam dan hakim di Mahkamah Persekutuan. Jadi sudah tentu beliau akan meletakkan kepentingan keadilan dan undang-undang sebagai garis panduan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Abdul Rahim, keputusan Mohamed Apandi membebaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berhubung isu derma RM2.6 bilion adalah berlandaskan penyiasatan rapi dan teliti

oleh agensi penyiasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Katanya, hasil siasatan yang komprehensif tersebut mendapati tiada kesalahan jenayah yang dilakukan Najib ketika menerima derma tersebut.

Justeru tegas beliau, Dr. Mahathir perlu segera menghentikan serangan peribadi dan kritikan terbuka terhadap Peguam Negara kerana masyarakat akan melihat kepada usaha beliau mempertahankan kepentingan peribadi dan keluarga.

"Memang ada yang bersimpati dengan Dr. Mahathir apabila anaknya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir diturunkan daripada jawatan Menteri Besar Kedah.

"Namun lebih ramai yang tidak bersetuju apabila Dr. Mahathir berterusan melemparkan pelbagai fitnah," katanya.